



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

JABATAN BENDAHARI • BURSAR'S DEPARTMENT

Rujukan: UKM.BEN.100-1/3/3

Tarikh: 21 Mei 2025

SURAT EDARAN BENDAHARI BIL. 8/2025

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN KELULUSAN KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP 1967) KEPADA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN MULAI 01 JANUARI 2025 HINGGA 31 DISEMBER 2029

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 5/2025 bertarikh 8 Mei 2025 telah mengambil perhatian dan maklum mengenai kelulusan UKM bagi pengecualian cukai pendapatan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada UKM bagi tempoh lima (5) tahun mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2029 dan telah bersetuju perkara ini dihebahkan kepada semua warga UKM.
3. Secara amnya sejak dari tahun 1995, UKM telah menerima kelulusan pengecualian cukai pendapatan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 melalui surat bernombor rujukan JHDN.01/35/42/51/179-6.1412. Justeru itu, semua aktiviti dan projek yang dianjurkan oleh UKM atau mana - mana persatuan yang diiktiraf oleh UKM layak diberikan resit rasmi pengecualian cukai pendapatan kepada penyumbang menurut subseksyen tersebut.
4. Namun pada tahun 2023, semakan semula telah dijalankan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan menetapkan bahawa kelulusan pengecualian cukai pendapatan hanya diberikan untuk tempoh 5 tahun sahaja dan permohonan baru perlu dibuat enam (6) bulan sebelum tamat tempoh dengan mematuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dibawah penggunaan Tabung subseksyen 44(6) ACP 1967.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015



CERT. NO. QMS 01100



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022



SIRIM



SIRIM



SIRIM



CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4440 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

5. Sehubungan dengan itu, semua Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu mengambil maklum bahawa sebarang sumbangan/ tajaan yang diterima hendaklah disertakan bersama maklumat lengkap seperti perkara berikut:

- i. Nama Pemberi Sumbangan/ Tajaan
- ii. Alamat Organisasi beserta No. Pendaftaran Perniagaan/ No. Kad Pengenalan (sekiranya individu)
- iii. Jumlah Sumbangan/ Tajaan
- iv. Mohon dinyatakan golongan sasaran bagi Sumbangan/ Tajaan yang diterima.
- v. Mohon dinyatakan tujuan/ aktiviti/ program bagi Sumbangan/ Tajaan yang diterima.


6. Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan surat edaran ini kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Bahagian Akaun, Jabatan Bendahari di talian 4522/ 5032 atau emelkan kepada akaunbend@ukm.edu.my.

Kerjasama dan keprihatinan pihak Y.Bhg. Prof Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“Kekal Berintegriti”

Yang benar,



MOHD AZLI MOHD KASIRUN C.A. (M)
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4440 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

ILMU, MUTU DAN BUDI

 www.ukm.my